

BAB ENAM

RUMUSAN, CADANGAN DAN PENUTUP

6.0 PENGENALAN

Bab ini akan merumuskan hasil analisis semua data yang terkumpul untuk menjawab persoalan kajian. Seterusnya bab ini juga akan mengemukakan cadangan tindakan yang boleh diambil untuk mengatasi masalah dan sebagai saranan kajian lanjutan pada masa akan datang.

6.1 RUMUSAN

1. Partikel adalah sebahagian daripada komponen utama dalam penggolongan kata yang terdiri daripada kata nama (اسم), kata kerja (فعل) dan kata sendi yang juga dikenali sebagai partikel (حرف).
2. Terdapat lima jenis partikel yang utama dalam bahasa Arab iaitu partikel “al”, partikel Jarr, partikel sendi, partikel soal dan partikel nafi.
3. Partikel “al” dalam bahasa Arab boleh diklasifikasikan kepada tiga bahagian induk, iaitu: partikel “al” penentu, partikel penambah dan partikel penyambung.

4. Cabang-cabang partikel “al” dalam bahasa Arab, partikel untuk benda Hadir (اللَّهُدُدُ الْعِلْمِيُّ), partikel untuk benda maklum (اللَّهُدُدُ الْحَضُورِيُّ), partikel untuk benda yang disebut (اللَّهُدُدُ الذَّكْرِيُّ), partikel jenis mutlak (اللَّهُدُدُ الْجِنْسِ الْكَلِيُّ أَوِ الذَّاتِيُّ), partikel jenis Anggapan (اللَّهُدُدُ الْجِنْسِ الْمَجَازِيُّ), partikel jenis hakikat (اللَّهُدُدُ الْجِنْسِ الْحَقِيقِيِّ الْذَّهَنِيُّ), partikel sifat pelaku (اللَّهُدُدُ لِصَفَةِ الْفَاعِلِ), partikel sifat Objek (اللَّهُدُدُ لِصَفَةِ الْمَفْعُولِ), partikel sifat tabii (اللَّهُدُدُ التَّابِيِّيُّ), partikel tambahan kekal (اللَّهُدُدُ الْزَّائِدَةُ الْلَّازِمَةُ), partikel tambahan sengaja (اللَّهُدُدُ الْزَّائِدَةُ الْعَارِضَةُ الاضطرازِيَّةُ), partikel tambahan pilihan (اللَّهُدُدُ الْزَّائِدَةُ الْعَارِضَةُ الاختيارِيَّةُ).
5. Berdasarkan kajian ini penulis membuat kesimpulan bahawa penguasaan partikel “al” bahasa Arab dalam kalangan pelajar Melayu SMKASAS masih lemah. Pelajar didapati tidak dapat membezakan fungsi-fungsi partikel “al” dan menentukan penggunaannya dengan tepat.
6. Analisis secara keseluruhannya menunjukkan sebanyak 65% pelajar telah berjaya menjawab dengan tepat. Namun terdapat seramai 35% yang tidak berjaya menjawab secara keseluruhan soalan yang dikemukakan. Peratusan terendah yang dicatatkan ialah partikel sifat pelaku (اللَّهُدُدُ لِصَفَةِ الْفَاعِلِ) dengan

peratusan 42% sahaja. peratusan yang terbaik baik ialah pada item yang berkaitan partikel benda Hadir

(أَلْعَهْدُ الْحَضُورِيُّ) iaitu sebanyak 82%.

7. Kegagalan menguasai partikel “al” adalah disebabkan pelajar gagal menguasai fungsi-fungsi makna yang terdapat dalam partikel tersebut, kekurangan pengetahuan tentang partikel “al” di samping faktor-faktor lain seperti rendah motivasi dan usaha untuk menguasai, generalisi melampau, kesilapan *interlanguage*, kecuaian, ciri-ciri sintaksis bahasa Arab itu sendiri, jarang melibatkan diri dalam aktiviti pembelajaran bahasa Arab, faktor sukatan mata pelajaran yang tidak mendalam dalam aspek partikel “al”, pelajar yang mempunyai latar belakang bahasa Arab yang lemah dan terpengaruh dengan bahasa ibunda adalah antara punca kelemahan pelajar dalam menguasai partikel “al”.
8. Hakikatnya, semua kekangan yang menghalang pelajar menguasai partikel “al” dengan baik adalah berpunca daripada pelbagai aspek antaranya berpunca daripada teknik dan pendekatan P&P dalam kelas, tenaga pengajar yang bukan bermahiran tinggi, sukatan mata pelajaran yang tidak mendalam, tidak lengkap, kurang tersusun, tidak berkesinambungan,

persekitaran sekolah yang tidak menyokong dan yang lebih penting kekangan diri pelajar itu sendiri.

9. Ini menunjukkan bahawa segala yang berkaitan dengan P&P bahasa Arab di dalam dan di luar bilik darjah perlu dinilai semula dan digandingkan dalam usaha memastikan kecemerlangan pelajar khususnya penguasaan bahasa Arab dalam kalangan pelajar.
10. Dapatan kajian telah memberikan maklumat-maklumat tentang situasi sebenar keadaan pelajar dan perkara-perkara yang berkaitan dengannya yang perlu segera ditangani dengan sewajarnya oleh pihak-pihak yang bertanggung-jawab terhadap bahasa Arab secara umumnya dan aspek tatabahasa Arab yang partikel “al” adalah sebahagian daripadanya.

6.2 CADANGAN

Memandangkan kepada dapatan kajian dan rumusan daripada yang telah dibuat sebelum ini, penulis ingin mengemukakan pula beberapa cadangan yang boleh dimanfaatkan oleh pihak-pihak yang berkenaan. Cadangan-cadangan ini

dikemukakan bagi tujuan penambahbaikan terhadap penguasaan partikel “al” secara khusus dan untuk penguasaan bahasa Arab secara umumnya.

Mata pelajaran nahu (sintaksis Arab) memainkan peranan yang besar dalam proses pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab khususnya yang berkait dengan fungsi partikel “al”. Penguasaan pelajar terhadap fungsi-fungsi makna partikel “al” yang perbagai dapat membantu pelajar mengenal pasti peranan yang dimainkan oleh setiap cabang partikel “al”. Dengan menguasai mata pelajaran nahu, pelajar akan dapat meneka dan memastikan perbezaan makna yang berlaku pada setiap partikel “al” yang memainkan fungsi makna yang berbeza.

Oleh itu, penulis berhasrat untuk mengemukakan beberapa cadangan bagi meningkatkan lagi tahap pembelajaran ilmu nahu bahasa Arab khususnya yang berkait rapat dengan partikel “al” .

6.2.1 Memperkenalkan Nahu Arab Dari Peringkat Awal

Mata pelajaran nahu (sintaksis Arab) hendaklah diperkenalkan daripada peringkat sekolah rendah lagi terutamanya sekolah yang beraliran agama supaya pelajar mendapat pendedahan asas tentang ilmu ini sejak dari awal lagi. Seterusnya

pendedahan ini pula hendaklah diteruskan sehingga ke peringkat sekolah menengah dan kemudian ke universiti. Dalam peringkat ini, para pelajar perlu didedahkan dengan proses pengajaran dan pembelajaran ilmu nahu dengan lebih mendalam.

6.2.2 Menggubal Satu Kurikulum Yang Lebih Sistematik

Bagi menjamin keberkesanan pembelajaran ilmu nahu di semua peringkat, satu kurikulum khas bagi mata pelajaran ini hendaklah digubal dan dilaksanakan dengan lebih sistematik. Dalam konteks pengajaran bahasa Arab di Malaysia, kurikulum ini amat penting memandangkan para pelajar di Malaysia bukanlah tergolong daripada kumpulan penutur asli bagi bahasa ini.

6.2.3 Menerapkan Kaedah Pembelajaran Perbandingan Antara Bahasa Arab dan Bahasa Melayu

Pengaruh bahasa Melayu amat ketara dalam terjemahan bahasa Arab pelajar. Pada hemat penulis, kaedah pembelajaran yang membandingkan struktur ayat bahasa Arab dan bahasa Melayu wajar dilakukan oleh guru yang mengajar. Cara ini akan

mempermudahkan pelajar Melayu memahami konsep asas bahasa Arab terutamanya partikel “al”. ini juga boleh dijadikan landasan kepada pelajar untuk memahami persamaan-persamaan dan perbezaan-perbezaan yang terdapat dalam dua bahasa tersebut. Di sini pelajar akan diingatkan bahawa sebahagian konsep atau kaedah struktur bahasa Melayu seperti penjodoh bilangan, genus, gantinama, partikel “al” dan sebagainya tidak terdapat dalam bahasa Arab. Pelajar perlu mengelakkan kesilapan menggunakan struktur ayat bahasa Melayu bahasa Arab.

Penggunaan leksikel Arab yang terdapat dalam bahasa Melayu amat sesuai untuk menjadikan kaedah ini lebih menarik dan mudah untuk diikuti oleh pelajar. Penerapan kaedah perbandingan diri boleh dilakukan secara formal atau tidak langsung. Ini terpulang kepada kebijaksanaan guru dalam menyampaikan kepada pelajar. Namun demikian, amat wajar sekiranya ia dilakukan secara terancang dan mengikut garis panduan yang ditetapkan.

6.2.4 Menukar Pembelajaran Mata Pelajaran Syariah dan Usuluddin ke Dalam Bahasa Arab (peringkat STPM)

Kajian menunjukkan antara sebab pelajar lemah menguasai bahasa Arab adalah berpunca dari kurangnya penguasaan perbendaharaan kata dan ketidakmampuan pelajar menggunakan dalam konteks tatabahasa yang betul

Penulis mencadangkan agar pembelajaran mata pelajaran Syariah dan Usuluddin di ajarkan dalam bahasa Arab pada peringkat STPM. Dengan pendekatan ini pelajar akan lebih terdedah kepada perbendaharaan kata dan penggunaan tatabahasa Arab yang betul. Pendedahan ini akan mempertingkatkan kempuan mereka dalam mengenali dan menguasai bahasa Arab dalam pertuturan dan penulisan. Di samping itu guru-guru yang terlibat secara tidak langsung akan mempertingkatkan keupayaan berbahasa mereka.

Pengunaan bahasa Arab dalam kelas tidak akan menjaskankan tahap kefahaman pelajar terhadap isi kandungan mata pelajaran Syariah dan Usuluddin.

Ini dibuktikan dengan kemampuan pelajar di beberapa sekolah Agama yang menjadikan bahasa Arab sebagai bahasa pengantar dalam mempelajari mata pelajaran pendidikan Islam semenjak daripada peringkat menengah rendah lagi. Sekolah-sekolah yang melaksanakan kaedah ini antaranya Kolej Islam, Maktab Mahmud dan sekolah YIK di Kelantan yang menggunakan sukanan pelajaran Al-Azhar.

6.2.5 Meletakkan sekurang-kurangnya seorang Tenaga Pengajar yang Merupakan Penutur Asal Bahasa Arab di Satu-satu Sekolah.

Cadangan ini mungkin agak sukar dilaksanakan, tetapi jika hendakkan satu yang berkualiti maka sesuatu yang sukar terpaksalah dilaksanakan juga. Seperti kata pepatah Melayu “kalau hendakkan sagu kenalah dipecahkan ruyungnya” Pengalaman sekolah-sekolah yang pernah dan sedang mengajikan tenaga pengajar daripada penutur asal bahasa Arab sendiri memang terbukti berkesan.

Ini adalah kerana pelajar sendiri akan cuba untuk berkomunikasi dengan menggunakan bahasa Arab, di samping itu para guru juga dapat dapat mempraktikkan bahasa Arab dalam perbualan mereka.

Tenaga pengajar dari penutur asal bahasa Arab ini juga boleh menjadi rujukan dalam perkara-perkara tertentu yang berkaitan bahasa Arab. Terdapat banyak sekolah di Terengganu yang telah menjadikan tenaga pengajarnya terdiri daripada penutur Asal bahasa Arab disamping orang tempatan, sekolah seperti Imtiyaz, SMAZA adalah antara contoh sekolah yang melaksanakan polisi tersebut. Sekolah-sekolah ini juga terkenal dengan kualiti pelajarnya berbahasa Arab.

6.2.6 Memantapkan Kemahiran Guru Dalam Teknik Pengajaran Dan Pembelajaran

Sememangnya para guru memerlukan kursus-kursus yang boleh mempertingkatkan kaedah dan teknik pengajaran dan pembelajaran dalam kelas. Aspek ini jika diabaikan oleh bahagian latihan pendidikan akan menjadikan proses pengajaran dan pembelajaran dalam kelas kurang terurus dan berlangsung dalam keadaan yang tidak memberikan faedah sama ada kepada guru maupun pelajar.

Teknik-teknik pengajaran yang terbaru serta penggunaan bahan bantu yang sesuai dan moden perlu dikuasai sebaik mungkin oleh guru. Smart board adalah antara bahan batu mengajar yang moden yang perlu didedah dan dilengkapkan di sekolah dalam usaha meningkatkan kualiti penguasaan pelajar

Selain itu, guru perlu kepada pendedahan yang boleh mengukuhkan dan memantapkan penguasaan mereka terhadap mata pelajaran yang diajar. Amat sedikit ruang yang diberikan pihak sekolah mahu pun jabatan untuk guru mempertingkatkan pengetahuan mereka terhadap bidang yang telah mereka ceburi semasa diperingkat diploma atau sarjana muda. Kesibukan tugas ada kalanya menjadikan tahap pengetahuan guru merosot atau setidak-tidaknya berada pada kedudukan statik.

6.2.7 Memperlengkap Diri Pendakwah Dengan ilmu Nahu Yang Secukupnya

Para pendakwah dan penceramah perlu melengkapkan diri dengan kemahiran ilmu nahu. Penguasaan yang mendalam dalam perkara ini dapat membantu mereka dalam menjelaskan fakta-fakta dan hukum hakam yang terdapat di dalam al-Quran al-karim kepada masyarakat dengan lebih berkesan. Selain itu, seterusnya para pendakwah juga dapat meniupkan kesedaran Islam terhadap masyarakat dengan lebih menarik.

6.2.8 Memperbanyakkan Bahan-Bahan Rujukan

Seterusnya pihak-pihak yang berkenaan hendaklah mengambil inisiatif bagi memperbanyakkan bahan-bahan rujukan yang berkaitan dengan ilmu nahu, saraf dan bahasa Arab di perpustakaan-perpustakaan, kedia-kedai buku di persada negara ini terutamanya di universiti-universiti tempatan dan sekolah-sekolah.

6.3 Cadangan Untuk Kajian Lanjutan.

Memandangkan kepentingan partikel “al” dalam bahasa Arab dalam tatabahasa Arab, penulis merasakan ianya wajar dikaji dari pelbagai sudut. Gabungan dari

penemuan-penemuan kajian ini sudah pastilah memberikan manfaat yang berharga untuk pelajar dan semua pihak yang terlibat dengan mata pelajaran ini.

Kajian ini juga, hanya merupakan kajian awal terhadap penguasaan partikel “al” dalam kalangan pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan Agama di peringkat STPM. Dapatan kajian ini hanya berdasarkan kepada pelajar-pelajar yang terbatas. Walaupun dapatan kajian ini dapat diterima secara umum terhadap pelajar-pelajar di sekolah lain, tetapi kajian yang lebih komprehensif dan menyeluruh diperlukan untuk memastikan keesahan dan kebolehpercayaannya.

Antara cadangan penulis:

- a) Mencadangkan kepada mana-mana pengkaji yang ingin mendapatkan dapatan yang lebih meyakinkan dalam bidang ini agar melakukan kajian seumpama ini dalam kalangan pelajar sekolah agama/Arab seluruh negara.
- ii) kajian perbandingan antara bahasa Arab dan bahasa Melayu dalam konteks partikel “al”. Kajian ini akan melihat secara terperinci aspek-aspek perbezaan dan persamaan antara kedua-dua bahasa.
- iii) membuat satu modul khusus bagi merawat masalah pelajar dalam konteks penggunaan partikel “al”. Modul ini berserta latihan yang komprehensif, menyeluruh dan berkesan.

6.4 Penutup

Pada dasarnya, pembentangan kajian ini sekurang-kurangnya dapat menyingkap pelbagai dimensi disebalik tajuk ini, terutamanya yang berkaitan dengan aspek-aspek penting di dalamnya seperti konsep partikel dalam bahasa Arab, jenis-jenis partikel “al”, fungsi makna bagi setiap cabang partikel “al” serta kekeliruan-kekeliruan dalam menggunakan partikel “al”.

Selain itu penulis amat berharap agar kajian analisis penguasaan partikel “al” yang dijalankan ini sekurang-kurangnya dapat menyingkap faktor-faktor yang menyebabkan kelemahan para pelajar bahasa Arab terutamanya yang berkaitan dengan pembelajaran partikel “al”. Pada pandangan penulis, kelemahan ini bukan sahaja melibatkan para pelajar di sekolah SMKASAS, bahkan ia turut berlaku dalam kalangan pelajar di sekolah-sekolah lain, kolej dan institusi pengajian yang lain. Oleh itu segala saranan yang dikemukakan oleh penulis akan dapat merungkaikan permasalahan dalam usaha untuk memperbaiki prestasi pelajar khususnya yang berkaitan dengan penguasaan mereka terhadap aplikasi partikel “al” dalam bahasa Arab.

Kesungguhan, dedikasi dan keikhlasan perancangan dan pelaksana di semua peringkat akan menjadi pemangkin kepada kejayaan pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab keseluruhannya.

Yang baik datang dari Allah, yang lemah atas kelemahan sendiri.

Wallahu’lam.